

**GARIS PANDUAN PEMERIKSAAN BAHASA MELAYU 1 – 1103/1
PEPERIKSAAN PERCUBAAN 3 2019**

Bahagian A (30 Markah)

Huraikan pendapat anda tentang manfaat Program Minda kepada murid.
Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

Kehendak Soalan

- 1. Calon perlu menghuraikan manfaat Program Minda kepada murid.**
- 2. Calon mesti menjawab berdasarkan maklumat yang diberikan.**
- 3. Calon mesti menggunakan sekurang-kurangnya 2 isi yang diberi dan 1 isi tambahan untuk layak mendapat cemerlang.**
- 4. Jika calon mengemukakan pihak lain selain murid – maksimum kurang memuaskan.**
- 5. Jika calon tidak menggunakan maklumat – maksimum kepujian sahaja**

Komen pemeriksa T = Tugas
I = Idea
B = Bahasa

(Sila beri komen tambahan apa aspek yang dominan sama ada isi atau idea - sebagai rujukan)

Cadangan isi :

1. Menambahkan pengetahuan diri
2. Memupuk minat membaca
3. Mengisi masa terluang

Bahagian B (100 markah)

Soalan 1

Semangat kejiranan dalam kalangan rakyat di negara kita semakin longgar.
Sebagai seorang remaja , apakah langkah-langkah yang harus anda lakukan supaya semangat kejiranan dalam diri dapat ditingkatkan.

Dimensi : Diri
Tema : Sosial
Format : Tiada

Kehendak soalan:

1. Calon hendaklah mengemukakan langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh diri sendiri(golongan remaja) untuk meningkatkan semangat kejiwaan.
2. Sekiranya calon mengemukakan langkah-langkah pelbagai pihak – peringkat memuaskan.

Cadangan isi :

1. Menyertai aktiviti kejiwaan / gotong royong
2. Menyemarakkan budaya kunjung-mengunjungi
3. Menganjurkan rumah terbuka
4. Mengambil berat tentang jiran tetangga
5. Menegur sapa antara jiran

Soalan 2

Permainan tradisional warisan masyarakat Melayu semakin dipinggirkan oleh generasi muda kini.

Bincangkan peranan ibu bapa dalam menggalakkan anak-anak bermain permainan tradisional.

Dimensi : Ibu Bapa

Tema : Permainan Tradisional

Format : tiada

Kehendak soalan:

1. Sekiranya jawapan calon hanya berfokus kepada ahli keluarga atau pihak lain selain ibu bapa – markah maksimum memuaskan.
2. Sekiranya calon menghuraikan permainan tradisional secara umum tanpa menyentuh peranan ibu bapa – markah maksimum memuaskan.

Cadangan isi :

1. Ibu bapa hendaklah memupuk minat diri sendiri dahulu/menjadi suri teladan
2. Ibu bapa melalui PIBG mengesyorkan pertandingan permainan tradisional
3. Ibu bapa hendaklah mengisi masa lapang dengan membawa anak-anak bermain permainan tradisional
4. Ibu bapa membeli permainan tradisional kepada anak-anak
5. Ibu bapa membawa anak-anak menyertai pertandingan permainan tradisional

Soalan 3

Aplikasi e-pembelajaran mula menjadi pilihan para pengajar dan pelajar sejajar dengan kemajuan teknologi global

Sebagai peserta pertandingan akhir Pidato peringkat sekolah, anda telah memilih tajuk “Kelebihan-kelebihan E-Pembelajaran kepada Para Pelajar pada Hari Ini”.

Tugasan Soalan

1. Calon perlu menghuraikan kelebihan-kelebihan e-pembelajaran kepada para pelajar
2. Sekiranya calon menghuraikan pembelajaran sahaja secara umum bahasa baik, markah maksimum kurang memuaskan
3. Sekiranya calon menghuraikan masalah-masalah e-pembelajaran tetapi bahasa baik, markah maksimum peringkat memuaskan.

Karangan berformat :

1. Kata alu-aluan dan kata sapaan
2. Sekiranya calon menulis satu sahaja kata sapaan dalam keseluruhan karangan – diterima.
3. Jika calon tidak menulis mengikut format - markah maksimum kepujian Kesalahan format – tolak maksimum 2 markah sahaja.

Cadangan idea:

1. Penggunaan aplikasi e-pembelajaran bukan sahaja memudahkan proses P&P bahkan meningkatkan minat para pelajar untuk mempelajari sesuatu pelajaran. .
2. Pengajar dan para pelajar mempunyai masa yang lebih fleksibel untuk penyampaian dan pemahaman sesuatu pelajaran
3. Proses P&P boleh dilakukan berulang kali tanpa bergantung sepenuhnya kepada pengajar, contoh; multimedia (video rakaman).
4. Proses pembelajaran boleh dilakukan di mana-mana, asalkan ada capaian.

Soalan 4

Penyebaran budaya Barat seperti pergaulan bebas, budaya Punk, Black Metal, dan Hedonisme telah menyebabkan budaya masyarakat Malaysia hari ini semakin terhakis.

Huraikan faktor-faktor pengaruh budaya Barat kepada remaja

Tugasan Soalan

Format: Tiada

1. Calon perlu mengulas faktor2 seseorang remaja mudah terpengaruh dengan budaya barat..
2. Sekiranya calon menyatakan budaya barat dan faktor secara umum - Markah maksimum baik

Cadangan idea:

- **Media massa**

Penciptaan televisyen nyata banyak mempengaruhi kehidupan seharian manusia.

- **Faktor diri sendiri**

Bagi mereka yang remaja, mereka mempunyai sikap ingin tahu yang mendalam dalam sesuatu hal. Hal ini akan menyebabkan mereka ingin tahu sesuatu yang baharu dalam melakukan sesuatu perkara.

- **Faktor rakan sebaya.**

Ajakan rakan paling banyak mempengaruhi seseorang individu itu kerana mereka mempunyai persamaan dari segi perasaan

- Faktor keluarga

Keluarga yang sibuk dan ibu bapa yang berpisah selalunya akan menghadapi masalah dalam hal ini kerana anak-anak berasa tidak diperlukan.

Soalan 5

Karya sastera semakin kurang diminati akibat arus pembangunan dan pemodenan yang begitu pesat dalam pelbagai bidang.

Huraikan usaha-usaha yang sewajarnya dilakukan oleh guru untuk mengembalikan minat murid terhadap karya-karya sastera.

Tugasan Soalan

Format: Tiada

1. Calon perlu menjelaskan usaha- usaha yang perlu dilakukan oleh guru untuk menarik minat murid terhadap karya sastera
2. Sekiranya calon menjelaskan usaha pelbagai pihak tetapi bahasa baik , markah maksimum peringkat memuaskan.

Cadangan idea:

1. Guru membentuk suasana yang bermaksud, kelas itu hidup dan berinteraksi secara positif, kelas yang membuat setiap pelajar mahu mengikuti pengajarannya
2. Guru perlu bijak memilih bahan pengajaran sastera. . Pemilihan itu biarlah bervariasi dan sesuai dengan kecenderungan, kematangan dan keterbukaan fikiran para pelajar kita.
3. Guru lebih kreatif dalam merancang pengajarannya. Kreativiti ini boleh ‘dipinjam’ bermaksud guru harus rajin membuat kajian kecil atau mencari sumber yang dapat membantunya melakarkan rancangan pengajaran yang menarik
4. . Setiap kelas itu berbeza dan keberkesanan cara itu juga akan berbeza mengikut kemampuan kelas tersebut. Kepelbagaian cara mengajar sastera ini dapat menarik minat mereka
5. Memandangkan minat itu tidak datang dengan secara tiba-tiba, guru dengan keberaniannya bereksperimentasi perlu akur dan memahami bahawa produk itu tidak sepeenting proses penghasilannya

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT